

**SOALAN NO: 501**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH:** -

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan tindakan terhadap proses pengiktirafan dan penubuhan kesatuan sekerja.**

**PR-1341-T71899**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 9, Akta Kesatuan Sekerja 1959, mana-mana pekerja boleh menubuh dan menganggotai sesbuah kesatuan sekerja berdasarkan mana-mana penubuhan, tred, pekerjaan atau industri yang tertentu atau dalam apa-apa tred, pekerjaan atau industri yang serupa. Terdapat beberapa peringkat yang perlu dilalui untuk menubuhkan sebuah kesatuan sekerja iaitu:

- i) Penubuhan Kesatuan Sekerja
- ii) Permohonan Pendaftaran Kesatuan Sekerja
- iii) Pendaftaran Kesatuan Sekerja

### **i) Penubuhan Kesatuan Sekerja**

Di bawah seksyen yang sama juga mengkehendaki pekerja atau majikan yang ingin menubuhkan kesatuan sekerja perlu mengadakan Mesyuarat Penubuhan Kesatuan sekerja terlebih dahulu. Dalam mesyuarat ini pekerja atau majikan perlu membincangkan perkara-perkara berkaitan penubuhan seperti cadangan nama kesatuan, objektif penubuhan kesatuan, skop

keanggotaan, yuran masuk dan yuran bulanan, melantik Jawatankuasa Penaja serta perkara-perkara lain yang berkaitan.

ii) **Permohonan Pendaftaran Kesatuan Sekerja**

Manakala di bawah Seksyen 10, Akta Kesatuan Sekerja 1959 mengkehendaki selepas kesatuan ditubuhkan, Jawatankuasa Penaja perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dalam tempoh 30 hari selepas Mesyuarat Penubuhan diadakan dengan menyertakan dokumen- dokumen seperti Borang B, Borang Precipe beserta setem hasil RM30.00, Buku Perlembagaan Kesatuan, minit Mesyuarat Penubuhan serta salinan kad pengenalan bagi setiap pemohon.

iii) **Pendaftaran Kesatuan Sekerja**

Permohonan yang diterima lengkap akan diproses dan sekiranya Ketua Pengarah berpuas hati bahawa kehendak-kehendak Akta Kesatuan Sekerja 1959 telah dipenuhi, beliau bolehlah mendaftarkan kesatuan tersebut sebagaimana peruntukan dalam Seksyen 12, Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekiranya permohonan tersebut didaftarkan maka kesatuan sekerja tersebut adalah terikat

dengan kehendak Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Tuntutan pengiktirafan adalah permohonan sesebuah kesatuan sekerja pekerja yang berdaftar untuk mewakili sesuatu kelas pekerja yang seterusnya membolehkan sesebuah kesatuan sekerja pekerja tersebut mengadakan perundingan bersama (*collective bargaining*) dengan majikan bagi membincangkan terma-terma pekerjaan dan seterusnya memeterai perjanjian kolektif (*collective agreements*) antara pihak pekerja dengan majikan.
3. Proses tuntutan pengiktirafan dikendalikan di bawah Peruntukan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) dan peraturan-peraturan perhubungan perusahaan 2009.
4. Proses tuntutan pengiktirafan oleh kesatuan kepada majikan hendaklah dibuat melalui Borang A. Majikan diberi tempoh 21 hari daripada tarikh penerimaan Borang A untuk memberikan maklum balas/keputusan. Jika pengiktirafan diberi secara sukarela, tuntutan pengiktirafan tersebut dianggap selesai.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Jika majikan enggan memberi pengiktirafan, kesatuan perlu mengemukakan aduan dalam tempoh 14 hari daripada tamat tempoh 21 hari atau setelah menerima maklum balas majikan. Sekiranya kesatuan gagal mengemukakan aduan dalam tempoh tersebut tuntutan pengiktirafan tersebut dianggap telah ditarik balik.
6. Setelah Jabatan menerima aduan dari kesatuan, Jabatan akan merujukkan kelayakan kesatuan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (KPKS) untuk menjalankan siasatan. Jabatan seterusnya akan meminta pihak majikan mengemukakan senarai nama pekerja pada tarikh tuntutan pengiktirafan (Borang B). Setelah pihak Jabatan menerima keputusan kelayakan daripada KPKS dan Borang B daripada majikan, satu proses undi sulit akan dijalankan bagi menentukan peratusan keahlian kesatuan.
7. Pengiraan majoriti adalah berdasarkan kepada Peraturan 11(1) Peraturan – Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 yang memperuntukkan seperti berikut:-

$$\frac{\text{Jumlah Undi Menunjukkan keanggotaan}}{\text{Bilangan Pekerja Yang Layak mengundi}} \times 100\%$$

Setelah proses tersebut selesai, YB Menteri Sumber Manusia akan membuat satu keputusan di dalam Borang F. Keputusan tersebut akan dimaklumkan kepada majikan dan kesatuan.